

Kerajaan mahu angkat martabat penjawat awam, tokok jumlah pencen pesara: PM

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua mesej penting disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada penjawat awam dan pesara kerajaan, kedua-duanya mengenai tekad Kerajaan MADANI untuk mengangkat darjat dan martabat mereka, selain memastikan kebajikan terbelas.

Kepada yang masih berkhid-

mat, beliau menegaskan, penjawat awam yang suatu ketika dahulu diberi kepercayaan mengemudi tugas utama, termasuk projek mega dan berkaitan ekonomi, tidak akan dibiarkan terpinggir lagi.

Perdana Menteri juga memberi jaminan, kerajaan akan menokok jumlah pencen pesara perkhidmatan awam bagi memastikan ia tidak berkurangan berbanding apa yang diterima

golongan itu ketika ini.

Menegaskan demikian pada majlis makan malam Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) dan Yayasan Alumni PTD, selain dalam hantaran di Facebooknya semalam, Anwar berkata, darjat dan martabat penjawat awam akan diangkat semula oleh Kerajaan MADANI.

Nasional 6

Usaha kembalikan kekuatan perkhidmatan awam

Dari Muka 3

Menurutnya, campur tangan politik yang melampau dan keterlaluan dalam urusan pentadbiran dan dasar awam meminggirkan penjawat awam apabila memusatkan perhatian kepada konsultan luar yang dibiayai dengan kos jutaan ringgit.

“Saya zahirkan hasrat untuk mengembalikan kegemilangan dan kekuatan perkhidmatan awam dengan menggilap dan memperkukuh aspek integriti, kemahiran dan keterampilan perkhidmatan ini.

“Suatu ketika dahulu, barisan pimpinan penjawat awam diberi kepercayaan untuk mengemudi tugas utama, termasuk projek mega dan berkaitan ekonomi.

“Namun dampak campur tangan politik yang melampau dan keterlaluan dalam urusan pentadbiran dan dasar awam, meminggirkan penjawat awam dan memusatkan perhatian kepada konsultan luar dengan kos jutaan ringgit.

“Tekad Kerajaan MADANI adalah untuk mengangkat semula darjat dan martabat penjawat awam menerusi reformasi serta anjakan paradigma yang menuntut dukungan penuh daripada segenap lapisan perkhidmatan awam,” katanya.

Pada Majlis Makan Malam Sumbangan Kasih Alumni PTD dan Yayasan Alumni PTD itu, beliau menjelaskan, titik tolak reformasi berkenaan akan dilakukannya menerusi kajian menyeluruh sistem perkhidmatan

awam, yang diabaikan akibat sepak terajang politik tanpa berkesudahan sejak beberapa tahun kebelakangan.

“Kajian ini tidak sekadar tertumpu soal gaji, elaun dan saraan penjawat awam, namun turut menyinggung soal menambah baik keupayaan, mutu, profesionalisme serta integriti penjawat awam. Pasti hasrat ini hanya mampu terlaksana dengan kestabilan dan tekad politik yang jitu,” katanya.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut meluluskan peruntukan RM500,000 kepada Yayasan Alumni PTD bagi meneruskan aktiviti persatuan dalam membantu memperkukuh pentadbiran dan perkhidmatan awam, selain menghargai pengorbanan dan khidmat kumpulan itu, te-

utama mereka yang sudah bersara.

Anwar turut menyatakan harapan semoga usaha berkenaan dapat menyingkirkan kelemahan dalam perkhidmatan awam, iaitu tata kelola yang mulai luntur serta rasuah yang menular menjadi sistemik.

Pencen pesara

Mengenai pencen pesara perkhidmatan awam, beliau memberi jaminan, walaupun ada keputusan mahkamah, kerajaan khususnya Perbendaharaan membuat keputusan untuk menokok jumlah yang dianggap kurang itu supaya tidak kurang daripada kadar yang sepatutnya diterima.

Perdana Menteri merujuk keputusan Mahkamah Persekutu-

an pada 27 Jun lalu yang membatalkan pindaan kepada undang-undang pencen, menjadikan pindaan kepada Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 (PAA) tidak lagi terpakai kepada pesara kerajaan.

Sebulan kemudian, Anwar yang juga Menteri Kewangan dalam satu kenyataan berkata, kerajaan memutuskan supaya pencen dan pencen terbitan bagi Julai 2023 hingga Disember 2023 dibayar menggunakan amaun pencen asal.

Ia menyaksikan bayaran pencen bagi pegawai awam yang bersara sebelum 2013 dikembalikan kepada amaun Disember 2012, manakala pegawai awam yang bersara mulai 2013, bayaran pencen dikembalikan kepada amaun asal ketika bersara.